

22/11/2000

Malaysia sedia hantar 1,000 tentera ke Palestin

Mohd Azis Ngah

SUNGAI BULOH, Selasa - Malaysia sedia menghantar kira-kira 1,000 tentera ke Palestin sebagai pengaman atau pemerhati sekiranya diminta Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Shafie Mohd Apdal berkata, sehingga sekarang PBB belum membuat sebarang keputusan mengenainya.

Beliau berkata, kementerianannya bersedia menghantar pasukan tentera dan bantuan lain yang perlu seperti juga ketika menyertai misi PBB di Bosnia dan negara lain.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika menghadiri Persidangan Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC) di Doha, Qatar dilaporkan pernah menyatakan kesediaan Malaysia untuk menghantar tentera ke Palestin jika diminta PBB.

Sehubungan itu, Shafie berkata, pihaknya masih belum menetapkan bilangan sebenar tentera serta pasukan yang akan dihantar dan akan mengkaji mengenainya berdasarkan keperluan.

"Walaupun Malaysia negara kecil, tetapi kita sudah membuktikan tentera kita juga mampu memainkan peranan dalam misi pengaman atau pemerhati ketika berkhidmat dengan PBB.

"Kita perlu membantu menghentikan serangan terhadap orang awam terutamanya kanak-kanak Palestin dengan segera," katanya ketika ditemui selepas menutup Majlis Perasmian Perhebat Kerjaya di Kompleks Perhebat, Kem Sungai Buloh, hari ini.

Sementara itu ketika diminta mengulas mengenai hasil siasatan kes tanah runtuh di kem tentera Oran, Perlis kira-kira sebulan lalu, Shafie berkata, siasatan masih dijalankan.

Katanya, kerja-kerja penyelidikan sedang dijalankan terutamanya aspek teknikal dan pihaknya turut menghantar jurutera kementerian bagi membantu siasatan.

"Berdasarkan pemerhatian saya ketika melawat kem itu, saya berpendapat ianya agak kurang sesuai dijadikan kem kerana kawasan itu adalah tanah jerlus dan menjadi laluan air bawah tanah.

"Cuba bayangkan, sekiranya tanah jerlus biasa, air sudah tentu keruh atau berwarna hijau, tetapi disitu airnya berwarna biru yang menandakan memang kawasan itu banyak air," katanya.

Walaupun bagaimanapun, katanya keputusan akhir mengenai perkara akan diputuskan bersama berdasarkan hasil siasatan untuk diambil tindakan susulan termasuk memindahkan kem itu.

(END)